

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 8 MAC 2023

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 37

Keunikan Terowong Kuantan dalam projek ECRL

Keunikan Terowong Kuantan dalam projek ECRL

KUANTAN – Pembinaan Terowong Kuantan yang merupakan satu-satunya terowong terpanjang di Seksyen B dalam projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang melalui dua negeri iaitu Pahang dan Terengganu dijangka siap menjelang 27 April ini.

Pengurus Pembangunan Wilayah Malaysia Rail Link, Wan Kamal Wan Embong berkata, pembinaan terowong sepanjang 2.8 kilometer itu telah mencapai tahap 95.93 peratus dan pada masa ini kerja-kerja peringkat akhir sedang giat dilakukan.

Menurut beliau, Terowong Kuantan sepanjang 2.8 kilometer ini adalah unik kerana melintasi dua buah negeri di Pantai Timur dengan anggaran 976 meter bahagian terowong di negeri Pahang dan 1,890 meter terletak di Terengganu.

Terowong Kuantan yang mempunyai purata ketinggian 11.89 meter dan kelebaran 13.26 meter sesuai untuk pengoperasian landasan berkembar tolok standard dan membolehkan laluan kereta api memenuhi tahap maksima kecerunan 0.9 peratus.

Projek itu juga berjaya mengelakkan daripada penebangan terbuka di Hutan Simpan Bukit Galing," katanya.



WAN KAMAL (dua dari kanan) dan Norhasrul (dua dari kiri) di hadapan Terowong Kuantan semalam.

Beliau berkata demikian semasa lawatan media di Terowong Kuantan di sini semalam.

Terowong Kuantan merupakan antara 39 terowong yang dirancang dibina dalam projek ECRL sepanjang 665 kilometer melibatkan empat negeri iaitu Pahang, Terengganu, Kelantan dan Selangor.

Projek ECRL bernilai RM50.27 bilion yang dijangka siap pada 2026 akan menghubungkan Pan-

tal Timur dan Pantai Barat Semenanjung Malaysia bermula dari Kota Bharu di Kelantan dan tamat di Lembah Klang.

Pembinaan laluan itu yang menyaksikan tempoh perjalanan dari Gombak ke Kota Bharu itu hanya mengambil masa empat jam melibatkan pembinaan 10 buah stesen penumpang dan 10 stesen penumpang dan kargo.

Menurutnya, pembinaan projek ECRL sedang giat dilakukan



PROJEK pembinaan terowong yang terpanjang di Seksyen B dalam ECRL dijangka siap menjelang akhir April ini.

dengan kira-kira 40 peratus daripada keseluruhan projek telah berjaya disiapkan setakat ini.

Jelas beliau, pembinaan yang mencabar khususnya dalam aspek keselamatan pekerja dan impak kepada alam sekitar itu juga akan dipastikan bebas daripada banjir.

Sementara itu Ketua Bahagian Alam Sekitar Malaysia Rail Link, Norhasrul Abu Hassan berkata, aspek alam sekitar sentiasa dititikberatkan apabila turut melak-

sanakan Penilaian Impak Alam Sekitar (AIA).

Katanya, pembinaan terowong dapat mengurangkan kehilangan hutan simpan secara signifikan sekali gus menyelamatkan banyak habitat hutan.

Tambah beliau, sebanyak 27 laluan khas haiwan liar termasuk untuk gajah bakal dibina di lokasi dikenal pasti sepanjang laluan berkenaan bagi memastikan pemuliharaan haiwan liar.